

DM 6 FEB 1987

DR. MAHATHIR BELAJAR MELARIK KAYU

Kiriman MOHD. SIDEK SALLEH



Percutian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke London baru-baru ini bukanlah sekadar untuk berehat tetapi untuk belajar melarik kayu. Ini seharusnya menjadi tauladan kepada rakyat Malaysia yang lain kerana walaupun beliau pemimpin negara beliau tetap mahu mempelajari kemahiran seperti itu.

Perdana Menteri sendiri menyatakan kedatangannya ke London adalah untuk mengikuti kursus 'wood turning', sejenis pertukangan ukiran kayu. Kursus tersebut diikutinya selama dua hari dari 12 hingga 13 Januari lalu di Craft Supplies, Buxton, Derbyshire. Guru Datuk Seri Dr. Mahathir ialah Encik Nick Davidson.

'Saya belajar kerana merasa geram bahawa Malaysia yang kaya dengan kayu kayan tidak menggunakannya. Bukannya susah,' tegas Perdana Menteri sambil menekankan barang yang diperbuat dari kayu diminati ramai.

'Kalau kita pergi ke 'department store' kita akan dapat melihat berbagai barang yang diperbuat dari kayu yang mempunyai mutu tinggi,' katanya.

Beliau ~~kesal~~ kerana bila beliau bercakap panjang dan meminta orang-orang tertentu membeli mesin dan peralatan bagi membuat barang-barang dari kayu, pada akhirnya orang tersebut meminta permit mengimport kereta terpakai.

'Saya pun bukan ahli pertukangan membuat barang-barang dari kayu.. Tetapi macamana kaku sekalipun saya boleh buat.' kata Datuk Seri Dr. Mahathir.